



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

| | |
|-------------------------------------|---|
| 1. <u>Penganjur:</u> | Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966]. |
| 2. <u>Promosi:</u> | PERADUAN NESTLÉ KITKAT PLAY, BREAK & WIN. |
| 3. <u>Tempoh Promosi:</u> | Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/10/2021 dan ditutup jam 23:59:59 pada 30/11/2021. |
| 4. <u>Kelayakan:</u> | Promosi ini dibuka kepada semua individu penduduk Malaysia yang sah dengan dokumen pengenalan yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan. |
| 5. <u>Kaedah Penyertaan:</u> | <p>a. Untuk menyertai Promosi ini, beli minima Ringgit Malaysia Lima [RM5] mana-mana produk KONFEKSI NESTLÉ KITKAT <u>INDIVIDU PEK</u> ["Produk"] turut serta seperti yang tersenarai di bawah dalam satu resit dari mana-mana kedai [dalam kedai & di dalam talian] semasa Tempoh Promosi:</p> <ol style="list-style-type: none">KONFEKSI NESTLÉ KITKAT 2-Finger (17g) [Original – Milk Chocolate]; <u>ATAU</u>KONFEKSI NESTLÉ KITKAT 4-Finger (35g) [Original – Milk Chocolate, Green Tea, Gold, Choco Banana]; <u>ATAU</u>KONFEKSI NESTLÉ KITKAT CHUNKY (38g) [Milk Chocolate, Cookies & Cream or Raisin & Cookie]; <u>ATAU</u>KONFEKSI NESTLÉ KITKAT BITES (40g). <p>b. Resit boleh didapati dalam bentuk Resit bercetak dari sistem <i>point-of-sale</i> dan/atau e-resit untuk pembelian dalam talian. E-resit untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau baucar diskaun mesti dengan jumlah bayaran akhir Ringgit Malaysia Lima [RM5] dan ke atas untuk layak ["Resit"].</p> <p>c. Resit mesti mengandungi Produk yang dibeli, tarikh pembelian, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo kedai ["Butiran Resit"].</p> <p>d. Semasa proses pemilihan pemenang Hadiah, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dihantar. Untuk setiap Ringgit</p> |

| | |
|--|--|
| | <p>Malaysia Lima [RM5], Penganjur akan memperuntukkan satu [1] nombor bersiri. Sila rujuk klausa 7, klausa 9 dan klausa 11 di bawah.</p> <p><u>Contoh:</u> Jika anda membeli Produk berjumlah RM15 dalam satu resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan tiga [3] nombor bersiri.</p> <p>e. Kaedah penyertaan Promosi adalah melalui WhatsApp sahaja. Semua kaedah penghantaran lain termasuk perkhidmatan kurier, atau POS Laju akan dibatalkan. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan tetapi setiap Resit HANYA layak untuk satu [1] penyertaan melalui WhatsApp. Penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana penyertaan WhatsApp dengan Resit yang dicetak semula dan/atau berulang dan/atau mengandungi lebih daripada satu [1] Resit.</p> <p>f. <u>Langkah-langkah penyertaan WhatsApp:</u></p> <p>i. Tulis di depan Resit nama penuh dan nombor pengenalan anda ["Butiran Peribadi"]. <u>Contoh, tulis di atas Resit:</u> Adele Tan Wey Lee 950102148584</p> <p>ii. Tangkap satu [1] gambar/imej dalam format JPEG yang <u>jelas dan boleh dibaca</u>, satu [1] Resit lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit anda. Satu [1] Imej mesti mengandungi gambar satu [1] Resit sahaja.</p> <p>iii. Hantar satu [1] Imej melalui WhatsApp dari mana-mana nombor yang berdaftar di Malaysia ke +60 18-228 7022 ["Penyertaan"].</p> <p>iv. Penganjur AKAN auto-balas dengan laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk setiap Penyertaan yang diterima.</p> <p>g. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan.</p> <p>h. Peserta dikehendaki menyimpan Resit asal dengan selamat. Penganjur berhak untuk meminta Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p> |
| <p>6. <u>Tarikh</u> <u>Tutup</u> <u>Penyertaan:</u></p> | <p>Semua penyertaan <u>kecuali</u> untuk Promosi eksklusif di kedai terpilih PETRONAS mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 malam pada 30/11/2021. Penyertaan untuk Promosi eksklusif di kedai terpilih PETRONAS mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 malam pada 31/12/2021. Semua penyertaan Promosi yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik</p> |

| | |
|--|--|
| <p>7. <u>Hadiah Mingguan dan pemilihan finalis:</u></p> | <p>a. Terdapat empat belas [14] Hadiah Mingguan dalam bentuk Langganan 12 Bulan PlayStation®Plus bernilai RM159 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu selama lapan [8] minggu berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat seratus dua belas [112] Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Lapan [8] tempoh mingguan adalah seperti berikut: Minggu 1: 01/10 – 07/10/2021 Minggu 2: 08/07 – 14/10/2021 Minggu 3: 15/10 – 21/10/2021 Minggu 4: 22/10 – 28/10/2021 Minggu 5: 29/10 – 04/11/2021 Minggu 6: 05/11 – 11/11/2021 Minggu 7: 12/11 – 18/11/2021 Minggu 8: 19/11 – 30/11/2021</p> <p>c. Maklumat Pengadilkan untuk pemilihan Finalis Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri bagi setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai Penyertaan yang berjaya bagi setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi menurut Resit yang dikemukakan [setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak Mingguan”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi minggu tersebut ialah 165, Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan Mingguan empat belas [14] Finalis Hadiah Mingguan: $165 \div 14 = 11.78$. Oleh sebab pembahagian 165 dengan 14 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 11.78 akan dibundarkan ke bawah kepada 11. 14 Peserta dengan Penyertaan Layak minggu tersebut dengan nombor bersiri berikut akan dipilih: 11*, 22*, 33*, 44, 55 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 11, $11+11=22$, $22+11=33$].</p> |
| <p>8. <u>Hadiah Bulanan dan pemilihan finalis:</u></p> | <p>a. Terdapat lima [5] Hadiah Bulanan dalam bentuk “DualSense™ Wireless Controller” bernilai RM349 setiap satu untuk dimenangi setiap bulan untuk dua [2] bulan berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat sepuluh [10] Hadiah Bulanan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Dua [2] tempoh bulanan adalah seperti di bawah: Bulan 1: 01/10/2021 – 31/10/2021 Bulan 2: 01/11/2021 – 30/11/2021</p> <p>c. Maklumat Pengadilkan untuk pemilihan Finalis Semua Penyertaan Layak yang dikumpulkan dan diproses oleh</p> |

| | | | |
|--|--|--|---|
| | <p>Penganjur semasa proses pemilihan pemenang mingguan dan sepanjang Tempoh Bulanan akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri yang bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>Setiap bulan nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak Bulanan”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi bulan tersebut ialah 1002, Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan Bulanan lima [5] Finalis Hadiah Bulanan: $1002 \div 5 = 200.4$. Oleh sebab pembahagian 1002 dengan 5 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 200.4 akan dibundarkan ke bawah kepada 200. 5 Peserta dengan Penyertaan Layak bulan tersebut dengan nombor bersiri berikut akan dipilih: 200*, 400*, 600*, 800 dan 1000. [*contoh pengiraan: 200, $200+200=400$, $400+200=600$].</p> | | |
| <p>9. <u>Hadiah Utama:</u></p> | <p>Terdapat lima [5] Hadiah Utama dalam bentuk PlayStation®5 [CFI-1018A01] bernilai RM2299 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> | | |
| <p>10. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Utama:</u></p> | <p>a. Semua Penyertaan Layak yang dikumpulkan dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan pemenang bulanan dan sepanjang Tempoh Promosi akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri yang bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak ialah 10002, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan lima [5] Finalis Hadiah Utama : $10002 \div 5 = 2000.4$. Oleh sebab pembahagian 10002 dengan 5 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 2000.4 akan dibundarkan ke bawah kepada 2000. 5 Peserta dengan Penyertaan Layak dengan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis: 2000*, 4000*, 6000*, 8000, dan 10000 [*contoh pengiraan: 2000, $2000+2000=4000$, $4000+2000=6000$].</p> | | |
| <p>11. <u>Promosi Eksklusif di Kedai Terpilih:</u></p> | <p>a. Untuk peserta yang menghantar Penyertaan mereka dalam Tempoh Promosi dari mana-mana kedai terpilih yang disenaraikan di bawah ini [dalam kedai & kedai dalam talian] akan layak memenangi Hadiah tambahan:</p> <table border="1" data-bbox="437 1910 1436 2027"> <tr> <td data-bbox="437 1910 933 2027"> <p>Eksklusif untuk pembelian dari Kedai Terpilih berikut (“Kedai Terpilih”)</p> </td> <td data-bbox="933 1910 1436 2027"> <p>Hadiah Tambahan untuk dimenangi</p> </td> </tr> </table> | <p>Eksklusif untuk pembelian dari Kedai Terpilih berikut (“Kedai Terpilih”)</p> | <p>Hadiah Tambahan untuk dimenangi</p> |
| <p>Eksklusif untuk pembelian dari Kedai Terpilih berikut (“Kedai Terpilih”)</p> | <p>Hadiah Tambahan untuk dimenangi</p> | | |

| | |
|--|---|
| MYNEWS, | 3 unit Hadiah <u>Mingguan</u> berupa Langganan 12 Bulan PlayStation®Plus bernilai RM159 setiap satu. |
| GIANT dan | 5 unit Hadiah <u>Mingguan</u> berupa Langganan 12 Bulan PlayStation®Plus bernilai RM159 setiap satu. |
| 99 SPEEDMART. | 8 unit Hadiah <u>Mingguan</u> berupa Langganan 12 Bulan PlayStation®Plus bernilai RM159 setiap satu. |
| LOTUS'S, 7-ELEVEN, FAMILY MART, SHOPEE dan | 1 unit Hadiah <u>Bulanan</u> berupa “DualSense™ Wireless Controller” bernilai RM349 untuk setiap Kedai Terpilih. |
| PETRONAS. <i>[Nota: hanya untuk tempoh dari 1/11/2021 ke 31/12/2021: Bulan 1: 01/11 – 30/11/2021 Bulan 2: 01/12 – 31/12/2021]</i> | 1 unit Hadiah <u>Bulanan</u> berupa “DualSense™ Wireless Controller” bernilai RM349 setiap satu. |

b. Maklumat Pengadilan untuk pemilihan Finalis:

i. **Untuk Hadiah Mingguan**

Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri bagi setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai Penyertaan yang berjaya bagi setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi menurut **Kedai Terpilih** [setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.

Andainya Jumlah Penyertaan Layak MY NEWS bagi minggu tersebut ialah 92, Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:

Pemilihan Mingguan tiga [3] Finalis Hadiah Mingguan MY NEWS:
 $92 \div 3 = 30.6$. Oleh sebab pembahagian 92 dengan 3 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 30.6 akan dibundarkan ke bawah kepada 30. 3 Peserta dengan Penyertaan Layak bulan tersebut dengan nombor bersiri berikut akan dipilih: 30*, 60* dan 90* [*contoh pengiraan: 30, $30+30=60$, $60+30=90$].

| | |
|-----------------------------------|---|
| | <p>ii. Untuk Hadiah Bulanan</p> <p>Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri bagi setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai Penyertaan yang berjaya bagi setiap bulan, sepanjang Tempoh Promosi menurut Kedai Terpilih [setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>Andainya Jumlah Penyertaan Layak LOTUS’S bagi bulan tersebut ialah <u>93</u>, Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <p>Pemilihan Bulanan satu [1] Finalis Hadiah Bulanan LOTUS’S: $93 \div 2 = 46.5$. Oleh sebab pembahagian 93 dengan 2 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 46.5 akan dibundarkan ke bawah kepada 46. Peserta dengan Penyertaan Layak LOTUS’S bulan tersebut dengan nombor bersiri 46 akan dipilih.</p> |
| <p>12. Terma Tambahan:</p> | <p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp menerusi nombor telefon bimbit yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>b. Setiap peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Satu [1] Hadiah Mingguan setiap minggu, [maksima sehingga dua [2] hadiah mingguan]; ii. Satu [1] Hadiah Bulanan iii. Satu [1] Hadiah Utama iv. Satu [1] Hadiah Mingguan daripada SETIAP tiga [3] Kedai Terpilih; dan v. Satu [1] Hadiah Bulanan daripada SETIAP lima [5] Kedai Terpilih. <p>c. Semua hadiah akan dikurier kepada pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 30/12/2021. Penganjur berhak untuk melanjutkan jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan alasan di luar kawalan Penganjur.</p> <p>d. Langganan 12 Bulan PlayStation®Plus mesti digunakan sebelum 31/12/2022.</p> <p>e. Iklan Keputusan Pemenang akan dipaparkan dalam masa 6-8 minggu dari 30/12/2021 di laman web Penganjur di: https://www.dearnestle.com.my/peraduan-kitkat-ps5. Semua hadiah</p> |

| | |
|--|---|
| | <p>yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditentukan oleh Penganjur untuk mengambil hadiah akan dibatalkan.</p> <p>f. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.</p> <p>g. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>h. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku ke atas hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti kos perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang termasuk untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang atas kos mereka sendiri.</p> |
|--|---|

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di <https://www.dearnestle.com.my/peraduan-kitkat-ps5>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B. Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan sebaliknya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlakannya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila

masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Kempen akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

2. Penyertaan Kempen

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Kempen ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Kempen, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Kempen hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Kempen dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Tidak layak

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Kempen:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Kempen dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Kempen dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

- (a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) Hadiah Pelancongan/Percutian:

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.
- 6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Kempen mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Intelektual

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Kempen dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau

syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Kempen, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Kempen atau pelanggaran Terma dan Syarat,

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Kempen adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Kempen, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Kempen dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Kempen) berhubung dengan Kempen, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Kempen ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Kempen yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Kempen disediakan dalam bahawa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris

dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.

- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

12. Notis Privasi

- 12.2 Dengan menyertai Kempen, Peserta bersetuju dengan pemrosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di www.nestle.com.my/info/privay_notice.

- 12.1 By participating in the Campaign, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in www.nestle.com.my/info/privacy_notice.